

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
PROGRAM KESEDARAN HARTA INTELEK PERINGKAT
NEGERI PERLIS
PADA 15 JULAI 2010 DI DEWAN KAPITOL UniMAP

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Yang Berbahagia, En. Abd. Aziz b. Ismail, Ketua Bahagian Cap Dagang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) mewakili Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia,

Yang Berbahagia, En. Abd Halim Pakri, Timbalan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Perlis,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, kakitangan Universiti Malaysia Perlis,

Para Pelajar serta hadirin yang saya hormati sekalian,

Bahagian Media PNC - Shafinaz

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama pada dalam majlis pada pagi ini. Marilah kita bersama-sama juga berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa jua kesulitan dan kekurangan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya panjatkan buat pihak Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Perlis di atas kepercayaan yang diberikan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk menjadi tuan rumah kepada penganjuran **Seminar Kesedaran Harta Intelekt Negeri Perlis 2010.**

Program yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan tahap pengetahuan mengenai harta intelek serta menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan orang awam, agensi kerajaan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan golongan akademik ini adalah selaras dengan keadaan sekarang di mana daya saing sesebuah negara semakin bergantung kepada harta intelek.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bagi UniMAP, kita mempunyai Unit Enterpris Kecil Sederhana (SME) yang ditubuhkan pada tahun 2007. Salah satu tanggungjawab unit ini ialah untuk menguruskan pemindahan teknologi universiti kepada masyarakat dengan menghubungkan produk atau teknologi UniMAP kepada industri.

Unit ini membantu para penyelidik dalam mendapat perlindungan dari segi hasil penyelidikan, bayaran pendapatan daripada hasil pengkomersilan, khidmat nasihat pengkomersilan, suai padanan antara penyelidik dengan industri, implikasi perundangan, promosi hasil penyelidikan dan memperoleh latihan berkaitan pengkomersilan dan perlindungan harta intelek. Unit ini juga banyak membantu pihak industri mendapatkan kepakaran dari universiti mengikut kehendak industri, menjamin kerahsiaan maklumat syarikat atau perundingan, memperoleh dana pengkomersilan dan promosi produk yang dikomersilkan kepada pihak industri.

Sejak dari tahun 2004 hingga ke Jun 2010, UniMAP telah memiliki sebanyak 595 geran penyelidikan dimana sebanyak 10 penyelidikan telah berjaya dipatenkan. Sementara itu sebanyak 54 penyelidikan sedang melalui proses carian

novelty. Manakala 2 lagi produk penyelidikan UniMAP sedang melalui copyright perisian.

Antara produk yang berjaya dikomersialkan ialah **KUKUM Artificial Marble, Single Phase Inverter Training Kit dan Buck & Boost Converter Teaching Module**. Manakala beberapa produk dalam peringkat awal proses pengkomersilan adalah seperti **Satay Grill, Green House, Halal Product Detector, Solar Powered Uninterruptible Supply** dan **Rice Husk Micro Absorber**.

Hadirin sekalian,

UniMAP tidak memandang ringan terhadap setiap produk penyelidikan yang telah dihasilkan dan kita sentiasa berusaha untuk memastikan semua produk yang dihasilkan dapat dipatenkan dan boleh dimanfaatkan oleh pihak industri serta masyarakat dalam memastikan bidang Sains dan Teknologi di Malaysia terus berkembang. Sebagai sebuah universiti yang berteraskan kejuruteraan saya yakin UniMAP mampu menggalas tanggungjawab ini demi memastikan segala produk keluaran universiti ini bertaraf dunia dan mengikut kehendak pasaran.

Justeru, kita tidak dapat menolak hakikat bahawa ilmu menjadi aset penting dalam penghasilan produk atau inovasi yang boleh dimanfaatkan manusia. Sudah sampai masanya juga bagi Malaysia yang melahirkan ramai pakar untuk

memiliki inovasi yang boleh menjana ekonomi dan kemakmuran. Banyak bidang boleh menyumbang ke arah itu, misalnya pertanian, pembuatan, bioteknologi, teknologi maklumat (IT), nanoteknologi dan mungkin juga animasi.

Selepas 50 tahun bebas daripada penjajah, era pascamerdeka sewajarnya diisi dengan penghasilan produk atau barangan yang bukan sahaja dapat dipasarkan untuk kegunaan tempatan tetapi juga mampu menembusi pasaran antarabangsa. Ini bukan bermakna, belum ada inovasi yang boleh dibanggakan setakat ini, malah saban tahun, penyelidik tempatan memenangi anugerah di Geneva (Switzerland), Pittsburgh (Amerika Syarikat), Korea, Jerman dan pelbagai anugerah pertandingan reka cipta lagi termasuk di peringkat domestik. Malah, beberapa produk bioteknologi seperti vaksin misalnya telah menjengah pasaran luar.

Namun, persaingan global tidak menjanjikan sebarang jaminan bagi membolehkan produk tersebut dipasarkan, sebaliknya daripada sekian banyak penghasilan daripada usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) itu, tidak banyak yang mampu menjadi 'jenama' Malaysia. Maka di sinilah isunya yang mana penyelidik dan saintis tempatan perlu menggalas cabaran untuk menghasilkan produk berjenama Malaysia kerana kita telah pun berupaya menghasilkan ramai modal insan 'berjenama' dunia.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Sehubungan itu, dengan penglibatan para peserta yang agak memberangsangkan yang terdiri daripada Usahawan Industri Kecil & Sederhana, Agensi Awam, Golongan Akademik, Orang Awam dan Para pelajar, saya percaya program ini juga merupakan satu pendekatan yang baik dalam memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai penguatkuasaan hak-hak harta intelek berkaitan dengan barangan tiruan dan cetak rompak. Dimana isu ini sememangnya diberi perhatian serius sejak akhir ini oleh kerajaan, kerana dilihat semakin melumpuhkan ekonomi negara.

Di sini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur **Seminar Kesedaran Harta Intelek Negeri Perlis 2010** di atas kerjasama yang diberikan dalam memastikan kelancaran program pada hari ini.

Dengan lafaz bismillahirrahmannirahim saya dengan ini merasmikan **Seminar Kesedaran Harta Intelek Negeri Perlis 2010**.

**Pergi Mendaki Gunung Daik,
Cabaran, Rintangan Perlu Diharungi,
Tingkatkan Kesedaran Harta Intelek,
Menghasilkan Produk Berkualiti Tinggi,**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.